

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 13 Februari 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PERANGKAAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA

DISEMBER 2024

Pengeluaran getah asli Malaysia menurun 5.1 peratus pada Disember 2024

PUTRAJAYA, 13 FEBRUARI 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, Disember 2024**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, pengeluaran getah asli menurun 5.1 peratus pada Disember 2024 (38,299 tan metrik) berbanding pada November 2024 (40,341 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli meningkat 26.2 peratus (Disember 2023: 30,342 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada Disember 2024 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (89.4%) berbanding sektor estet (10.6%).

Jumlah stok getah asli pada Disember 2024 meningkat 1.4 peratus kepada 167,745 tan metrik berbanding 165,384 tan metrik pada November 2024. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 88.7 peratus diikuti kilang pengguna getah (11.2%) dan estet getah (0.1%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 44,338 tan metrik pada Disember 2024, meningkat 1.8 peratus berbanding November 2024 (43,562 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu berjumlah 49.0 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Disember 2024 diikuti Jerman (12.9%), Emiriah Arab Bersatu (7.3%), Amerika Syarikat (3.7%) dan Portugal (3.3%). Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub dan benang getah. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM1.5 billion pada Disember 2024, meningkat 6.2 peratus berbanding November 2024 (RM1.4 billion).

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan peningkatan iaitu 2.3 peratus (Disember 2024: 699.35 sen sekilogram; November 2024: 683.48 sen sekilogram) manakala Sekerap meningkat sebanyak 3.9 peratus (Disember 2024: 757.28 sen sekilogram; November 2024: 728.68 sen sekilogram). Trend harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula meningkat antara 2.3 peratus dan 3.5 peratus. *The World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) meningkat 3.2 peratus (daripada USD1.93/kg kepada USD1.99/kg) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) meningkat 4.1 peratus (daripada USD2.29/kg kepada USD2.38/kg).


Prestasi suku keempat 2024 menunjukkan pengeluaran getah asli meningkat 10.7 peratus kepada 117,040 tan metrik berbanding 105,715 tan metrik pada suku ketiga 2024. Prestasi pertumbuhan tahunan pengeluaran getah asli Malaysia pada suku keempat 2024 pula mencatatkan peningkatan 24.6 peratus berbanding suku keempat 2023 (93,956 tan metrik).

Menurut *Malaysia Rubber Board Digest* keluaran Disember 2024, pasaran getah Kuala Lumpur bercampur-campur dengan peningkatan harga SMR 20. Sentimen pasaran disokong oleh kebimbangan yang berpanjangan untuk bekalan akibat hujan lebat dan banjir di negara utama pengeluar getah asli. Sentimen pasaran juga dirangsang oleh kenaikan dalam pasaran niaga hadapan getah serantau berikutan prestasi ekonomi China yang lebih baik daripada rangsangan tambahan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 November. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli Disember 2023, November - Disember 2024
(‘000 tan metrik)



Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli Disember 2023, November - Disember 2024
 ('000 tan metrik)



Carta 3: Pengeluaran getah asli Suku Tahunan 2023/2024
 ('000 tan metrik)



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
13 FEBRUARI 2025

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, February 13th 2025

MEDIA STATEMENT



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA DECEMBER 2024

Malaysia natural rubber production decreased by 5.1 per cent in December 2024

PUTRAJAYA, FEBRUARY 13, 2025 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, December 2024**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, Natural Rubber (NR) production decreased by 5.1 per cent in December 2024 (38,299 tonnes) as compared to November 2024 (40,341 tonnes). Year-on-year comparison showed that the production of NR increased by 26.2 per cent (December 2023: 30,342 tonnes). Production of NR in December 2024 for Malaysia was mainly contributed by smallholders sector (89.4%) as compared to estates sector (10.6%).

Total stocks of NR in December 2024 increased by 1.4 per cent to 167,745 tonnes as compared to 165,384 tonnes in November 2024. Rubber processors factory contributed 88.7 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (11.2%) and rubber estates (0.1%).

Exports of Malaysia's NR amounted to 44,338 tonnes in December 2024, increased 1.8 per cent as against November 2024 (43,562 tonnes). P.R. China remained as the main destination for NR exports which accounted 49.0 per cent of total exports in December 2024 followed by Germany (12.9%), the United Arab Emirates (7.3%), the United States of America (3.7%) and Portugal (3.3%). The exports performance was contributed by NR-based product such as gloves, tyre, tube and rubber thread. Gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM1.5 billion in December 2024, an increase of 6.2 per cent as compared to November 2024 (RM1.4 billion).

Analysis of the average monthly price showed that Concentrated Latex recorded an increase of 2.3 per cent (December 2024: 699.35 sen per kg; November 2024: 683.48 sen per kg) while Scrap increased by 3.9 per cent (December 2024: 757.28 sen per kg; November 2024: 728.68 sen per kg). Trend of prices for all Standard Malaysian Rubber (S.M.R) increased between 2.3 per cent and 3.5 per cent. The World Bank Commodity Price Data reported the prices for TSR 20 (Technically Specified Rubber) has increased 3.2 per cent (from USD1.93/kg to USD1.99/kg) and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) increased 4.1 per cent (from USD2.29/kg to USD2.38/kg).

The performance of the fourth quarter of 2024 showed natural rubber production increased by 10.7 per cent to 117,040 tonnes as compared to 105,715 tonnes in the third quarter of 2024. The annual performance of Malaysia's natural rubber production in the fourth quarter of 2024 recorded an increase of 24.6 per cent as compared to the fourth quarter 2023 (93,956 tonnes).

According to the Malaysia Rubber Board Digest published in December 2024, the Kuala Lumpur rubber market ruled mixed during the review period with the increase price of SMR 20. Market sentiment was supported by prolonged concerns for supply disruption due to heavy rains and flooding in major NR-producing countries. Market sentiment was also boosted by the rally in the regional rubber futures markets due to improved Chinese economic performance from additional stimulus to support economic growth.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on November 20th. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber December 2023, November - December 2024 ('000 tonnes)






Chart 2: Imports and exports of natural rubber December 2023, November - December 2024 ('000 tonnes)



**Chart 3: Natural rubber production Quarterly 2023/2024
('000 tonnes)**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
13 FEBRUARY 2025**